

PERKHIDMATAN SEWA PETAK LETAK KERETA BERMUSIM (KHAS)

KELAYAKAN

- Kedai Aksesori dan Servis Kenderaan (diwajibkan)
- Kedai Menjual Kenderaan
- Premis-premis perniagaan yang layak dipertimbangkan.

** Nota : Walaubagaimanapun, kelulusan tertakluk kepada keadaan kawasan dan petak yang dipohon.*

SYARAT PERMOHONAN / TANGGUNGJAWAB PENYEWAWA

- Petak yang dipohon harus berada di hadapan kedai atau premis penyewa dan tidak mengganggu lalu lintas.
- Petak yang dipohon, tidak berada di kawasan tumpuan orang ramai seperti di pusat-pusat perniagaan yang sesak dan pusat membeli-belah.
- Penyewa perlu menjaga papan tanda dengan baik semasa tempoh penyewaan.
- Penyewa dilarang berniaga di dalam petak berkenaan.
- Penyewa juga dilarang menyewakan petak berkenaan kepada individu atau pihak lain.
- Sebarang pembatalan penyewaan hendaklah dimaklumkan kepada Bahagian Letak Kereta dengan mengemukakan surat pembatalan penyewaan.

PROSEDUR PERMOHONAN

- Pemohon mesti mengemukakan surat permohonan sewa petak bermusim yang lengkap beserta gambar petak yang hendak dipohon.
- Setelah diluluskan, pemohon akan menerima surat kelulusan dan dihendaki membuat bayaran terlebih dahulu sebelum petak tersebut dicat sebagai petak khas.

KADAR BAYARAN

- Deposit sebulan sewaan dikenakan pada permulaan sebanyak RM150.00
- Bayaran caj papan tanda sebanyak RM20.00 (sekali sahaja)
- Kadar bayaran sewa petak letak kereta bermusim adalah RM150.00 sebulan

PERKHIDMATAN SEWA PETAK LETAK KERETA SEMENTARA

- Perkhidmatan sewa petak letak kereta harian/semntara disediakan bertujuan memberi kemudahan kepada pelanggan yang ingin menyewa bagi tujuan mengadakan program, majlis, kerja-kerja ubahsuai bangunan, projek pembangunan berhampiran serta mengadakan promosi jualan.
- Kadar bayaran adalah dikenakan seperti berikut :

Sewa Petak Harian	: RM20.00/hari
Sewa Petak Bulanan (sementara)	: RM250.00/bulan
- Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan sewa petak sementara (**Borang D MPK/BLK/02**) di Bahagian Letak Kereta.
- Kelulusan penyewaan petak letak kereta sementara ini bergantung kepada kawasan atau jalan yang dipohon supaya tidak mengganggu lalulintas.

PELEKAT BULANAN

- Pelekat Bulanan boleh digunakan di semua petak letak kereta di bawah kawalan pentadbiran Majlis Perbandaran Kemaman kecuali petak-petak yang telah disewa oleh pihak lain.
- Kadar bayaran pelekat bulanan ini adalah seperti berikut :

Pelekat 1 Bulan	: RM80.00
Pelekat 2 Bulan	: RM150.00
Pelekat 3 Bulan	: RM220.00

UNTUK MAKLUMAT LANJUT BOLEH TERUS BERHUBUNG DI ALAMAT BERIKUT : -

**Bahagian Letak Kereta,
Bangunan Wisma Serangkai
Jalan Sulaimani
24000 Cukai, Kemaman
Tel: 09-8581322**